

KUKUM bukukan ucapan Dr. M berkaitan kejuruteraan

UM - 2 NOV 2003
KANGAR 1 Nov. — Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) akan membukukan semua ucapan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berkaitan kejuruteraan dan senibina sebagai inspirasi kepada rakyat terutama pelajar.

Rektor KUKUM, Profesor Dr. Kamarudin Hussin memberitahu, usaha itu sebagai tanda terima kasih KUKUM terhadap jasa Dr. Mahathir yang sememangnya layak digelar sebagai arkitek pembangunan negara.

Menurut beliau, usaha menerbitkan buku itu akan dilaksanakan secepat mungkin.

“Warga KUKUM yang kini berjumlah 750 orang sejak dibuka setahun empat bulan lalu berterima kasih di atas segala jasa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir dan peletakan jawatannya semalam merupakan satu kehilangan besar kepada negara,” katanya selepas Majlis Ucapan Penghargaan Kepada bekas Perdana Menteri oleh warga KUKUM di pejabat universiti itu, di sini.

Pada majlis itu, Kamarudin yang mewakili seluruh pelajar dan tenaga pendidik KUKUM menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Mahathir yang telah melepaskan jawatannya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Menurutnya, penubuhan KUKUM sejak lebih setahun lalu adalah ilham Dr. Mahathir yang mahukan lebih ramai jurutera dan arkitek dilahirkan menjelang tahun 2020.